



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 OGOS 2017 ( SABTU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- MPAJ edar 70 tong sampah kepada penduduk	42
- Ragui ketelusan badan pengurusan	42



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 OGOS 2017 ( SABTU )**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ edar 70 tong sampah kepada penduduk
Muka Surat	42

**MPAJ edar 70 tong sampah kepada penduduk**

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berharap kempen kitar semula yang giat dilaksanakan pihak berkuasa tempatan itu mampu mendidik masyarakat untuk lebih prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat, berkata, MPAJ turut melaksanakan pelbagai kempen hijau di perbandarannya sebagai menyokong agenda perbandaran hijau di negeri ini.

"Saya juga mengambil pendekatan supaya rumah ibadat di Dun Teratai turut sama menyahut kempen kitar semula. Ahli jawatankuasa rumah ibadat mempunyai pengaruh besar dan boleh mendidik masyarakat berhubung penjagaan alam sekitar.

"Program sebegini juga dapat mengeratkan lagi silaturahim antara masyarakat yang berbilang kaum," katanya kepada Sinar Harian dalam Majlis Penyerahan Sumbangan 70 Tong Sampah kepada Rumah Ibadat di Dun Teratai, semalam.

Dalam pada itu, menurutnya, tong sampah berkenaan adalah sumbangan kerajaan negeri dan MPAJ.

"Program ini adalah komitmen berterusan MPAJ untuk memupuk sikap masyarakat mementingkan kebersihan serta lebih bertanggungjawab di dalam memelihara alam sekitar.

"Usaha itu diharap dapat memberi dikan kepada warga Ampang Jaya sekali gus memastikan kawasan sekitar ini sentiasa bersih dan indah," katanya.



Mohamad (lapan, kanan) bersama ahli jawatankuasa rumah ibadat pada Majlis Penyerahan 70 Tong Sampah, semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
26 OGOS 2017 ( SABTU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Ragui ketelusan badan pengurusan
Muka Surat	42

# Ragui ketelusan badan pengurusan

SH 26/8/17 NS 42.

Penduduk mohon SPRM siasat akaun pengurusan sebuah pangaspuri di Ampang

AMPANG – Penduduk di sebuah pangaspuri di sini memohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat beberapa isu yang dipercayai membabitkan badan pengurusan pangaspuri berkenaan.

Pengerusi Persatuan Gerakan Sivil Malaysia, Jenice Lee berkata, penduduk mendakwa badan pengurusan pangaspuri berkenaan dipercayai memberi projek mengecat bangunan kepada sebuah syarikat tanpa tender terbuka.

"Pengurusan dikatakan tidak membuka tender tapi kemudian meminta setiap isi rumah membayar lebih daripada RM1,000 sebagai kos mengecat.

"Penduduk turut mendakwa pihak pengurusan mengadakan mesyuarat agung tahunan secara tidak rasmi kerana tiada sebarang notis yang sah serta tidak ada pernyataan ke-



wangan, malah pemilik kediaman turut mempersoalkan keputusan ke-nakan yuran pengurusan sebanyak RM20," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun pihak pengurusan dipercayai turut melantik sebuah syarikat untuk mengutip yuran pengurusan.

"Pemilik syarikat itu sebagai 'perunding' kepada badan pengurusan pangaspuri dipercayai telah melantik firma audit miliknya. Kita mohon SPRM merasiasitu ini agar tidak berlaku salah guna kuasa dan rasuah," katanya dalam satu kenyataan media di sini.



Jenice (tengah) bersama penduduk membuat laporan di pejabat SPRM Kuala Lumpur.